

Rakyat S'pura yakin inflasi akan merosot

Tinjauan: Langkah redakan pasaran harta tanah tinggalkan kesan besar

LANGKAH meredakan pasaran harta tanah dan dasar mengurangkan pinjaman dan hutang keluarga sudah mula meninggalkan kesan ke atas inflasi, menurut satu tinjauan terbaru.

Warga Singapura kini lebih yakin kadar inflasi akan merosot dalam tempoh setahun hingga lima tahun mendatang, menurut sekitar 400 responden yang ditinjau Institut Ekonomi Kewangan Sim Kee Boon (SKBI) Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan MasterCard Disember lalu.

Kadar inflasi yang meliputi semua barang diramalkan terus merosot kepada 3.72 peratus dalam tempoh setahun akan datang, berbanding ramalan kadar inflasi 3.85 peratus dalam tinjauan September lalu.

Tinjauan kali ke-10 itu bertujuan me-

mahami sikap dan sentimen keluarga Singapura terhadap inflasi.

Ramalan kadar inflasi utama, yang tidak termasuk penginapan dan pengangkutan peribadi pula dijangka lebih sederhana, 3.88 peratus berbanding 4.03 peratus dalam tinjauan September lalu.

Menurut tinjauan itu, trend inflasi yang kian merosot telah disaksikan sejak September 2012 apabila ia melonjak ke paras tertinggi iaitu 4.5 peratus.

Tinjauan itu menjelaskan terdapat beberapa faktor yang akan menyebabkan kemerosotan itu.

"Ini khususnya adalah langkah-langkah mereda pasaran harta tanah dan dasar-dasar kewangan makro lain yang bermatlamat mengurangkan pinjaman dan hutang keluarga yang sudah mula meninggalkan kesan signifikan," kata Penolong Profesor, Aurobindo Ghosh, yang juga pencipta bersama tinjauan itu serta Pengarah Projek SMU SKBI.

Menurutnya, dasar kewangan makro yang diperkenalkan pemerintah, seperti langkah meredakan pasaran dan pengangkutan peribadi, sudah meninggalkan kesan dalam mengawal kenaikan harga.

"Ini juga mungkin memberi kesan dalam mengurangkan kos-kos lain walau-

pun pasaran buruh ketat mungkin akan memberikan cabaran dari segi kenaikan gaji domestik.

"Walaupun langkah bank pusat Amerika mengurangkan usaha merangsang ekonomi sudah bermula bulan ini, masih terdapat ketidaktentuan sama ada negara itu dapat keluar daripada masalahnya dengan baik atau tidak," jelas beliau.

Penasihat ekonomi global MasterCard, Dr Yuwa Hedrick-Wong, berpendapat bahawa menyederhanakan jangkaan inflasi adalah berita baik bagi Singapura kerana ia akan menyediakan lebih banyak ruang bagi negara ini mencapai dasar kewangan yang tepat.

Bagi tempoh lima tahun mendatang pula, responden tinjauan itu meramalkan kadar inflasi meliputi semua produk akan susut kepada 4.72 peratus berbanding 4.86 peratus dalam tinjauan lalu.

Penguasa Kewangan Singapura (MAS) menjangkakan kadar inflasi median bagi semua produk untuk 2014 adalah antara 2 peratus hingga 3 peratus.

Menurutnya, dasar kewangan makro yang diperkenalkan pemerintah seperti langkah meredakan pasaran dan pengangkutan peribadi sudah meninggalkan kesan dalam mengawal kenaikan harga.